

MESEJ DAKWAH PARA RASUL (A.S.) KEPADA GOLONGAN PEMBESAR NEGARA

Zawawi Yusoff

ABSTRACT

Da`wah or preaching is the main task of the Prophets (a.s). Their most difficult and challenging target group are the aristocrats of the state leaders. This article discusses the Prophet's (a.s) messages through their da`wah activities to the aristocrats. Comprehensive study about these messages are done through content analysis of the related Quranic verses and Hadith as well as from history books to identify the type of messages that are suitable for this group of people. The research finding shows that these da`wah messages of the Prophets (a.s) are based on the approach of accommodating the message with the target group. It is also found that the process of accommodating the message with the target group can be done by understanding the situation and the background of the target group especially through the aspect of sociology and psychology. The finding gives the implication that preachers's understanding of the sociology and psychology of the aristocrats is important to identify the suitable message to them.

Keywords: da`wah; message of da`wah; state leaders

PENDAHULUAN

Sejarah dakwah menunjukkan wujudnya hubungan antara pendakwah dengan pembesar dan penguasa. Dakwah Rasulullah (s.a.w.) misalnya, melibatkan pembesar-pembesar Quraisy yang sentiasa menjadi cabaran utama kepada baginda ketika di Mekah. Hal ini ditunjukkan pada permulaan Surah `Abasa apabila baginda ditegur oleh Allah (s.w.t.) kerana memberi keutamaan layanan kepada pembesar dan penguasa Quraisy berbanding melayani keperluan Abdullah bin Ummi Maktum, seorang muslim yang cacat penglihatan, yang ingin mendalami Islam. Ijtihad dakwah Rasulullah (s.a.w.) yang ditegur oleh Allah (s.w.t.) ini mempunyai hikmah besar dan menjadi petunjuk bahawa pembesar dan penguasa tidak mempunyai keistimewaan tertentu berbanding individu biasa daripada segi kedudukan mereka sebagai mad'u atau sasaran dakwah.

Cara dakwah yang berjaya ialah bermula dengan mengenalpasti penyakit (masalah) yang dialami oleh sasaran dakwah, kemudian mengetahui apa ubatnya (Zaydan 1991, 421). Berdasarkan keadaan dan tabiat sasaran dakwah yang bermacam-macam, maka setiap pendakwah mesti mengetahui terlebih dahulu sasaran yang hendak didakwahnya. Bagaimanakah pemikirannya, kefahamannya, apa penyakit atau masalahnya dan apa pula halangan-halangan yang mungkin timbul (Fathi Yakan 1977, 21-22). Justeru, mengenali *mad'u* atau sasaran dakwah merupakan salah satu prinsip utama dalam kerja dakwah ('Ali 1993, 2: 963).

Antara golongan sasar dalam dakwah ialah golongan pembesar. Al-Quran telah menceritakan banyak kisah pertembungan antara golongan pembesar dengan para Rasul a.s. dalam misi dakwah mereka. Faktor utama yang mendorong penentangan golongan pembesar terhadap dakwah para Nabi (a.s.) sebagaimana yang telah diceritakan oleh al-Quran ialah sifat takbur melampau demi mempertahankan kuasa (al-Buti t.t, 78). Manakala dakwah sangat berkaitan dengan kepimpinan. Lantaran itu, dapat difahami bahawa berdakwah kepada golongan pembesar agak sukar berbanding golongan lain. Sebab itu amat perlu menekankan kepada metode yang sesuai. Antara aspek yang perlu ditekankan dalam berdakwah kepada golongan pembesar, supaya ia mengikut metode yang sesuai ialah aspek yang berhubung dengan psikologi dan sosiologi selain daripada kemestian mempunyai metode yang jelas tentang uslub dakwah, strategi dakwah, adab dakwah, keadaan sasaran dakwah dan sebagainya. Aspek berkaitan psikologi dan sosiologi golongan pembesar mesti diberi penekanan untuk menghindar atau meminimalkan perasaan tidak senang hati mereka terhadap dakwah (Ab. Aziz 1999 (a), 139).

SOROTAN LITERATUR

Kebanyakan penulisan dalam ilmu-ilmu Islam berkaitan pembesar adalah dalam bentuk penghuraian konsep pemimpin dan kepimpinan, khalifah, wazir dan seumpamanya yang melibatkan huraian ciri, syarat dan proses pemilihan dan pelantikan. Karya al-Mawardi (1989) yang mengemukakan konsep tadbir urus negara Islam menerusi *al-Ahkam al-Sultaniyyah* misalnya, menyentuh berkaitan pelantikan kepimpinan negara (imamah) dan kementerian (wizarah) daripada perspektif sistem pemerintahan Islam. Semuanya dibincangkan berdasarkan dasar-dasar kerajaan Islam termasuk siasah syar'iyah tanpa melibatkan perbincangan khusus mengenai konsep dakwah terhadap golongan pembesar. Al-Mawardi turut menyentuh perspetif dakwah dalam fasal berkaitan pengurusan jihad di medan perang. Bagaimanapun, perbincangan ini hanya bertumpu kepada pendekatan dakwah terhadap mushrikin/kuffar berkaitan seruan kepada Islam. Al-Ghazali (2006) menerusi *Nasihah al-Muluk* merupakan karya nasihat dan panduan ketatanegaraan dengan himpunan cerita dan kisah-kisah yang mengandungi mesej 'dakwah kepada pembesar'. Karya ini menjadi panduan kepada pemerintah/raja, pemilihan menteri, termasuk peranan ilmu dan akal dalam memastikan keadilan dapat ditegakkan agar negara aman serta mendapat kesejahteraan. Selain itu, terdapat karya terjemahan oleh Abdul Qayyum (1983) yang menghimpunkan surat-surat al-Ghazali kepada pembesar, penguasa, pejabat negara dan ulama sezaman dengannya yang mengandungi pelbagai mesej dakwah. Antara mesej dakwah menerusi surat-surat ini, al-Ghazali menegur dan mengkritik pembesar dan penguasa Saljuk yang berkompromi terhadap rasuah, *favoritisme* dan ketidakadilan yang merupakan antara penyakit utama masyarakat zaman tersebut. Nik Roskiman Abdul Samad (2003) menjelaskan kandungan pengajaran daripada kitab *Nasihah al-Muluk* al-Ghazali yang sarat mengandungi 'mesej dakwah'. Mesej dakwah ini merangkumi pesanan dan nasihat berkaitan dua aspek besar iaitu aspek kualiti yang perlu ada pada pemerintah dan aspek pengurusan menteri. Dalam konteks Alam Melayu, mesej dakwah kepada pembesar dilihat menerusi dakwah para ulama kepada golongan raja dan pemerintah. Wali Songo misalnya, memulakan dakwah kepada raja, pembesar dan keluarga mereka (Fattah, 1994). Contoh lain pula ialah Sunan Ampel dan kumpulannya yang berdakwah kepada Pemerintah Palembang, Adipati Aria Damar sehingga beliau memeluk Islam bersama-sama isterinya, seterusnya diikuti oleh para pembesar negeri (Saksono 1995). Daripada sudut yang lain, mesej dakwah kepada pembesar dan pemerintah di Alam

Melayu adalah jelas iaitu menyeru kepada mentauhidkan Allah (s.w.t) dan kepatuhan kepada-Nya. Ini menunjukkan setelah kedatangan Islam, kesan taat setia buta pantang derhaka kepada raja dan pemerintah di bawah konsep *devaraja* berdasarkan perspektif Hindu, berpindah kepada taat setia 'bersyarat' kepada sultan di bawah konsep 'raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah' (Siddiq Fadzil 1993). Pendirian ini mengandungi mesej dakwah kepada golongan pembesar bahawa rakyat tidak akan memberi kepatuhan dalam perkara yang bertentangan dengan perintah pemerintah yang Maha Agung iaitu Allah (s.w.t).

PENGERTIAN PEMBESAR

Pembesar atau dalam bahasa Arab *mala'* menurut ahli bahasa secara umumnya, ialah seorang yang berpengaruh dan menjadi rujukan orang ramai. Kebiasaannya ia merupakan seorang elit, ketua, pemimpin, penguasa dan seumpamanya kepada sesuatu kelompok manusia secara rasmi atau pun tidak rasmi. Antara ciri-ciri golongan pembesar menurut ahli bahasa ialah mulia, tinggi kedudukan sosial, diharapkan daripada mereka dengan kebajikan dan pandangan bernas, memiliki kemampuan serta kekayaan, memiliki kedudukan serta pangkat, dikagumi, menonjol, dipandang hebat serta diharapkan dapat mencapai cita-cita dan sebagai tempat rujuk (Abu al-Dahab 2002, 582; Abu Haqah 2007, 1903; al-Bustani 1869, 2080; Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah 1970, 2: 649; al-Asfahani t.t, 473; al-Zamakhshari 1992, 601; Ibn Manzur 1990, 1: 159). Manakala antara ciri-ciri golongan pembesar menurut para ahli tafsir ialah mulia, hebat, bertolong bantu dan dianggap dapat memenuhi realiti kehidupan (al-Barusawi t.t, 1: 381; al-Alusi t.t, 2: 164; al-Sha'rawi t.t, 2: 1056).

MEMAHAMI GOLONGAN PEMBESAR

Dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh golongan pembesar, pastinya mereka merupakan golongan yang sangat berpengaruh dan dihormati. Pembesar dikaitkan dengan kuasa, sementara kuasa itu sendiri merupakan sesuatu yang disukai oleh manusia secara fitrah. Oleh yang demikian amat penting untuk melihat kedudukan pembesar dari sudut status sosial, tabiat serta pemikiran tentang kuasa dan juga dari sudut pandangan Islam.

MEMAHAMI GOLONGAN PEMBESAR DARIPADA ASPEK SOSIOLOGI

Menurut Shamsul Amri Baharuddin, masyarakat dikatakan terbahagi kepada dua iaitu yang mendominasi (*the dominating*) dan yang didominasi (*the dominated*) (Shamsul Amri 1983, 5).

Berdasarkan pengertian pembesar seperti yang dinyatakan sebelum ini, maka golongan pembesar tergolong di dalam bahagian yang pertama iaitu golongan yang mendominasi. Oleh kerana itu, dari sudut sosiologi, golongan pembesar mempunyai status sosial yang tinggi kerana mereka menduduki hierarki teratas dalam sesuatu institusi sosial masyarakat. Pembesar perlu dilihat dari sudut sosiologi bagi mengetahui aspek kewujudan, peranan, tahap pengaruh dan keistimewaan yang dimiliki mereka. Dengan maklumat tersebut, mesej dakwah yang sesuai kepada mereka dapat dikenalpasti.

David Krech dan Richard S. Crutshfield menyatakan bahawa kewujudan pembesar (pemimpin) merupakan hasil daripada organisasi sosial yang telah terbentuk atau sebagai hasil dinamika daripada interaksi sosial. Semenjak terbentuknya suatu kelompok sosial, seseorang atau beberapa orang di antara warga-warganya melakukan peranan yang lebih aktif daripada rakan-rakannya, sehingga seseorang atau beberapa orang nampak lebih menonjol dari yang lain. Itulah asal mula timbulnya pembesar, yang kebanyakan timbul dan berkembang dalam struktur sosial yang kurang stabil (Soerjono t.t, 179-180). Menonjol dengan erti paling kuat, paling cerdas dan paling berani. Sebagai contoh, Kautilya dengan tulisannya "*Arthashastra*" (321 sebelum masehi) mencatatkan ciri-ciri khas seorang perwira yang ditunjuk sebagai pembesar. Iaitu, peribumi, lahir dari keturunan luhur, sihat, kuat, berani, intelligent, punya ingatan yang kuat, pandai, fasih berbicara, mempunyai watak yang murni, bersifat dengan kebaktian, setia, taat pada kewajipan, punya harga diri, tetap pendirian, bijaksana, mampu melihat jauh ke depan, ramah-tamah, baik hati, sopan santun, ada keterampilan, terlatih dalam bidang seni dan mempunyai pengaruh (Kartini 1983, 28). Shaharir menyenaraikan 32 sifat pembesar yang unggul (daripada perspektif Buddhisme) atau sifat *Cakravartin* (Pembesar Alam) berupa ilmu kepimpinan (pembesar) rumpun Melayu yang tertua setakat ini (Shaharir 2008, 58-63). Umumnya, pembesar ialah suatu fenomena biasa. Ia merupakan sebahagian daripada ciri kehidupan manusia. Secara sedar atau tidak sedar, ramai orang terlibat sebagai pembesar sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, agama, ketenteraan, politik dan lain-lain. Setiap organisasi dalam semua bidang ini mempunyai pembesar. Sebuah keluarga yang merupakan organisasi sosial yang paling kecil dipimpin oleh seorang bapa, sebuah syarikat yang merupakan sebuah organisasi ekonomi, dipimpin oleh seorang pengerusi atau pengurus dan sebuah negara yang merupakan sebuah organisasi politik, dipimpin pula oleh seorang raja, presiden atau perdana menteri. Dalam erti kata lain, semua organisasi sama ada kecil atau besar, mempunyai pembesar masing-masing (Husin @ Ibrahim 2007, 37).

Golongan pembesar memainkan peranan utama dalam pelbagai institusi sosial yang mempunyai beraneka matlamat yang berbentuk ekonomi, politik, ketenteraan, sosial, agama dan lain-lain (Khattab 1983, 469). Peranan yang dimainkan mereka itu sangat dihormati, justeru mereka yang memainkan peranan ini mendapat kedudukan atau status yang tinggi di dalam setiap institusi yang diketuai mereka (S. Husin Ali 1982, 13).

Sebilangan ahli sosiologi bersetuju pada umumnya dengan pendapat bahawa golongan pembesar adalah mereka yang biasanya boleh dan memang mempunyai pengaruh ke atas orang lain, dengan ertikata bahawa fikiran, perkataan dan tindakan mereka boleh mempengaruhi perlakuan orang lain yang biasanya disebut sebagai pengikut mereka. Ada tiga rumusan yang dapat menunjukkan bagaimana istilah pembesar (pemimpin) itu dipergunakan oleh ahli-ahli sosiologi (Gouldner 1965, 15) :

- i. Mereka yang pencapaiannya atas dasar beberapa matlamat adalah dianggap sebagai tinggi.
- ii. Mereka yang statusnya diiktiraf sebagai lebih tinggi daripada lain-lain orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama.
- iii. Mereka yang memberi dorongan dan mendapat sambutan secara integriti dari rakyat.

Kepemimpinan pembesar itu sendiri merupakan suatu pengaruh sosial yang istimewa, iaitu penggunaan kuasa oleh orang yang memegang sesuatu kedudukan yang tertentu di dalam struktur kelompok (Marvin 1988, 75-76). Kuasa yang dimiliki oleh pembesar ini, merupakan satu asas penting dalam menentukan perjalanan sesebuah masyarakat. Di dalam sejarah, kuasa pembesar mempunyai peranan yang dapat menentukan nasib berjuta-juta manusia. Kuasa pembesar senantiasa ada di dalam setiap masyarakat baik yang masih sederhana, mahupun yang sudah besar atau kompleks susunannya (Soerjono t.t, 161).

Weber (1864-1920), yang tertarik membicarakan hubungan antara stratifikasi sosial dengan kuasa, menjelaskan bahawa kuasa itu adalah kemampuan mengawal perilaku orang lain, sekalipun orang tersebut, sebagai individu atau kelompok, tidak rela yang tindakannya dikawal (Neil 1981, 384). Kenyataan tersebut menggambarkan betapa hebat dan ampuhnya kuasa yang dikaitkan dengan pembesar.

Dalam banyak hal, pembesar melambangkan keistimewaan. Menurut Ibn Khaldun (1332-1406), kedudukan seorang pembesar pada pandangan beliau adalah suatu yang dihormati dan menyeronokkan. Ia memberi kepada orang yang memegang teraju itu segala-gala yang terbaik di dunia ini, kepuasan daripada segi lahir dan keseronokan daripada sudut batinnya. Ia jarang sekali mahu dilepaskan secara sukarelanya (Ibn Khaldun 1982, 271). Jadi, ramai orang ingin menjadi pembesar untuk mendapat keistimewaannya kerana masing-masing mempunyai motif tersendiri. Ada sebahagian orang inginkan kekayaan hasil daripada motif ekonomi. Sebahagian lagi inginkan kuasa yang timbul daripada motif politik. Sementara itu, sebahagian yang lain pula inginkan kedudukan dan status yang terbentuk daripada motif sosial. Lumrahnya, itulah tiga motif besar yang menyebabkan orang berebut-rebut untuk menjadi pembesar tidak kira dalam apa bidang atau kumpulan sekalipun. Hal ini berlaku kepada semua organisasi sama ada politik, ekonomi atau sosial. Dalam hal ini banyak orang melihat kedudukan pembesar dari sudut keuntungan peribadi.

MEMAHAMI GOLONGAN PEMBESAR DARIPADA ASPEK PSIKOLOGI

Menurut al-Habannakah, situasi psikologi manusia adalah berbeza antara seorang dengan seorang yang lain dan antara satu keadaan dengan keadaan yang lain. Psikologi seorang yang sedang sakit tidak sama dengan psikologi seorang yang sihat, begitu juga antara si kaya dengan si miskin, apatah lagi antara yang memiliki kuasa dengan yang tidak memilikinya (al-Maydani 1996, 1: 629).

Berdasarkan teori keperluan Maslow (1908-1970), pembesar dari aspek psikologi merupakan antara segelintir individu yang telah mencapai kehendak realisasi diri (*self-actualization*) (Maslow 1970, 35-46). Bagi McClelland (1917-1998) pula, pembesar termasuk dalam golongan pejaya, iaitu golongan yang mempunyai dorongan yang kuat bagi mencapai kejayaan peribadi dalam hidup masing-masing (Abdullah 2007, 47). Pembesar perlu dilihat dari aspek psikologi bagi mengetahui pemikiran dan tingkah laku mereka tentang kuasa. Tujuannya adalah untuk mencari suatu pendekatan dakwah yang sesuai kepada mereka bagi memastikan keberkesanan dakwah.

Untuk mengetahui pemikiran dan tingkah laku pembesar tentang kuasa, pemikiran dan tingkah-laku manusia secara umum perlu difahami. Dalam kehidupan harian, kita dapat melihat berbagai-bagai tingkah laku manusia. Manusia bekerja membanting tulang untuk mendapatkan makanan dan minuman. Manusia sanggup menghabiskan

duit yang banyak kerana terpicat dengan perempuan atau lelaki. Manusia sanggup membunuh untuk mendapatkan kuasa (*power*). Manusia sanggup melakukan kerja-kerja yang bahaya, seperti sukan-sukan lasak untuk kemasyhuran diri. Segala tingkah laku tersebut terhasil daripada pelbagai sebab atau tujuan yang dipanggil juga motif atau motivasi (Ab. Aziz 1999 (b), 92). Ini berdasarkan kepada pengertian motif mengikut *Kamus Dewan* iaitu, sebab atau tujuan yang mendorong seseorang melakukan sesuatu atau bertindak (Noresah (ed.) *et. al.* 2007, 1044). Dalam psikologi, *motivation* diertikan sebagai perkara yang memberi gerakan dan dorongan kepada tingkah laku, dengan bangkitan, perbuatan lakonan dan pengendalian ke arah pencapaian matlamat (Ronald and Elizabeth 2011, 351). Motif adalah perkara dalaman yang lahir dari keperluan dan membawa seseorang itu bertindak untuk memenuhi keperluan itu (Dennis and John 2010, 321).

Sesetengah ahli psikologi lebih suka membahagikan motif kepada dua pembahagian utama, iaitu motif biologi (*the biological motivation*) dan motif sosial (*the social motivation*). Motif biologi ialah seperti lapar, dahaga dan seks. Motif sosial ialah seperti kekuasaan, pengabungan, perlumbaan, ingin tahu dan pencapaian. (Ab. Aziz 1999 (b), 3-4). Motivasi berpunca dari keperluan dan keperluan melahirkan dorongan. Dengan adanya dorongan itu manusia melakukan sesuatu untuk memenuhi keperluan. Dengan itu, terjadilah suatu kitaran atau putaran motivasi, iaitu keperluan, motif, tingkah laku, matlamat dan kembali semula kepada keperluan (Dennis and John 2010, 320).

Maslow (1908-1970) yang melihat manusia sebagai insan yang mempunyai harga diri dan maruah yang semestinya dimuliakan serta kreatif yang menggunakan semua bakat, potensi dan kemampuannya untuk berkembang ke arah realisasi diri (*self-actualization*), telah mengemukakan satu teori yang cuba menerangkan tingkah laku manusia berhubung dengan keperluan atau kehendak (Richard *et al.* 1986, 485). Mengikut teori ini, individu itu melakukan apa yang dilakukannya kerana di dalam diri individu itu wujud lima jenis fitrah keperluan atau kehendak yang bergerak dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi. Apabila kehendak tahap pertama terpenuhi, ia bergerak ke kehendak tahap kedua dan seterusnya. Kehendak-kehendak tersebut adalah seperti berikut: (Gregory and Erika 2010, 419).

- i. Kehendak fisiologi, seperti makanan, minuman, oksigen dan suhu badan yang sesuai.
- ii. Kehendak keselamatan, seperti keperluan kepada rasa aman daripada ketakutan dan kecemasan.
- iii. Kehendak kasih sayang dan kepunyaan, seperti keperluan kepada saling menerima, saling mengasihi, memiliki dan dimiliki.
- iv. Kehendak Penghargaan diri, seperti keperluan kepada dihargai.
- v. Kesempurnaan sendiri, seperti kemahuan kepada kesempurnaan diri.

Sesetengah ahli psikologi membahagikan kehendak-kehendak tersebut kepada tiga, iaitu keperluan asas (satu dan dua), keperluan psikologi (tiga dan empat) dan keperluan kesempurnaan sendiri (lima) (Kalat 1993, 451).

Antara asas motif psikologi dan sosial yang berkait rapat dengan pemikiran dan tingkah laku pembesar tentang kuasa ialah motif perlumbaan dan persaingan, motif pencapaian, motif penggabungan serta motif kekuasaan.

i. Motif Perlumbaan dan Persaingan

Dalam kehidupan bersosial, motif perlumbaan dan persaingan menyebabkan orang berusaha melebihi sesamanya. Setiap manusia selalu ingin menjadi nombor satu, ingin berkuasa, ingin lebih baik daripada sesamanya (A. Gazali 1980, 80). Dengan adanya perasaan ini manusia menjadi lebih aktif dengan melakukan usaha-usaha bagi memastikan kemenangan, sama ada berseorangan atau berkumpulan (Ab. Aziz 1999 (b), 110).

Firman Allah (s.w.t.):

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۗ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن
يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai kurnia yang besar.

Surah al-Hadid 57: 21

Mesej ayat di atas antara lain mengarah orang-orang Islam khususnya supaya taat kepada Allah (s.w.t.) yang nanti akan mendapat kurniaan-Nya yang gemilang. Mesej tersebut dirangsangkan dengan motif berlumba-lumba untuk mencapainya.

Oleh kerana perlumbaan dan persaingan adalah sebahagian daripada motif manusia, kadang-kadang motif tersebut digunakan pada tempat yang buruk dan kotor (Sa'd 2008, 275). Antara perlumbaan yang buruk ialah perlumbaan untuk mendapat habuan keduniaan semata-mata seperti bersaing untuk mengumpul hartanah, mencari kemasyhuran dan pangkat serta bersaing mendapatkan kekuasaan dan kedudukan dalam masyarakat (Najati 1993, 36). Perlumbaan dalam hal-hal keduniaan adalah buruk, kerana ia akan membawa kepada perasaan marah dan dengki dalam hati, yang akan menghuraikan ikatan persaudaraan dan kasih sayang di kalangan orang Islam. Ia juga akan menjauhkan mereka daripada mengingati Allah (s.w.t.) dan melemahkan cita-cita jihad pada jalan Allah (s.w.t.) (Najati 1993, 36).

ii. Motif Pencapaian

Pencapaian (*achievement*), ialah keinginan mencapai yang lebih baik, lebih tinggi dan lebih sempurna. Ia merupakan satu daripada motif manusia. Menurut Henry Murray (1893-1988), pencapaian adalah satu keinginan kecenderungan untuk mengatasi halangan, beraksi tegas, serta menggunakan kuasa untuk cuba melakukan sesuatu

yang sukar dengan seberapa segera dan seberapa baik. Oleh itu, pencapaian tidak hanya bermakna melakukan sesuatu yang baik tetapi melakukan sesuatu yang lebih mencabar dengan kadar yang lebih baik (Mahmood 2001, 305-306). David McClelland (1917-1998) mengatakan bahawa motif pencapaian ini merupakan sesuatu yang amat penting. Antara lain ia dapat mencetus pertumbuhan ekonomi, perkembangan saintifik, inspirasi kepimpinan dan karya-karya seni (Wayne 2007, 396).

Berdasarkan teori Maslow, kehendak manusia tidak berada pada satu tahap sahaja. Ia berubah dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi, setelah terpenuhinya keperluan tahap sebelumnya (Gregory and Erika 2010, 419). Kalau dilihat daripada tingkah laku manusia, seperti bekerja keras, sentiasa merebut peluang yang ada dan sebagainya adalah banyak didorong oleh motif ini. Tabiat manusia tidak berpada-pada dengan apa yang didapati. Kemahuan dan perasaannya tidak pernah kenyang. Keinginannya untuk mendapat lebih banyak, lebih baik dan lebih bermutu sentiasa ada (Ab. Aziz 1999 (b), 113). Nabi (s.a.w.) menjelaskan tentang perkara ini dalam sebuah hadis:

Sabda Nabi (s.a.w.) dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim: (Ibn Hajar 1989, no. Hadis 6436,11: 304; Baltaji 1993, no. Hadis 1048, 7: 114).

لو كان لابن ادم واديان من مال لا يتغى ثالثا ، ولا يملأ جوف ابن ادم الا التراب ،
ويتوب الله على من تاب

Kalaulah manusia itu sudah mempunyai dua lembah harta, maka dia bercita-cita untuk mendapat lembah yang ketiga. Perutnya tidak pernah kenyang, kecuali dengan memakan tanah (setelah mati). Allah (s.w.t.) akan mengampuni orang yang bertaubat.

Hadis ini menerangkan bahawa manusia itu tidak berpada dengan apa yang ada. Walaupun miliknya sudah banyak, dia ingin menambahkannya tanpa batas. Itu adalah satu daripada motif manusia.

iii. Motif Penggabungan

Manusia adalah makhluk sosial. Di samping bekerjasama sesama manusia untuk mencapai sesuatu matlamat, manusia juga bergaul, bersahabat dan mengadakan tali perhubungan antara satu sama lain. (A. Gazali 1980, 80). Dengan itu, penggabungan (*affiliation*) adalah satu keinginan semula jadi manusia. Keadaan ini dapat dilihat bahawa manusia itu bermula dengan keluarganya, kemudian bersama kawan-kawan, selepas itu berpasangan sehingga beranak pinak dan seterusnya bersama-sama masyarakatnya (Ab. Aziz 1999 (b), 116).

Oleh kerana manusia bermasyarakat, ia memerlukan suatu komitmen yang tinggi dalam memahami matlamat bermasyarakat dan tanggungjawab setiap individu terhadap masyarakatnya. Kalau tidak, masyarakat manusia lebih senang terjerumus kepada kebinasaan.

Firman Allah (s.w.t.):

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Surah al-Hujurat 49: 13

Ayat di atas menjelaskan tiga perkara penting. Pertama, masyarakat manusia terdiri dari bermacam-macam keturunan dan rupa kulit. Kedua, matlamat di sebalik kejadian berbagai bangsa dan keturunan adalah untuk membina suatu jalinan hidup yang baik. Ketiga, penilaian keutamaan di sisi Allah (s.w.t.) bukan berdasarkan keturunan, warna kulit dan sebagainya, tetapi khidmat baik yang paling banyak diberikan, iaitu takwa.

iv. Motif Kekuasaan

Manusia juga didorong oleh keinginan berkuasa atas orang lain. Manusia berasa lebih bahagia kalau dihormati, dikagumi dan dipuji. Dengan menguasai orang lain, akan didapati perkara-perkara tersebut (Ab. Aziz 1999 (b), 116). Dalam kajian yang dikendalikan oleh McClelland (1917-1998) dengan menggunakan alat *Thematic Apperception Test* (TAT), beliau dapati yang setengah-setengah fantasi subjeknya berkaitan dengan keinginan untuk menguasai dan mempengaruhi orang lain. Antara lain, yang dinyatakan oleh subjek-subjeknya adalah keinginan untuk berkuasa secara agresif, pujukan, manipulasi orang lain dan ada yang menegaskan bahawa kuasa boleh diperolehi dengan apa cara pun (Ainon 2005, 11). Menurut Vance Packard (1914-1996) keperluan pada kuasa merupakan salah satu 'keperluan tak ketara' iaitu keperluan manusia yang tidak sedar kewujudannya oleh individu itu sendiri. Oleh itu manusia menghargai lambang-lambang kuasa seperti kereta besar, motosikal berkuasa tinggi, jip tahan lasak, pistol peribadi dan lain-lain lagi (Abdullah 2007, 7-8).

Kalaulah dilihat kepada tugas asal, manusia dihidupkan adalah untuk menjadi penguasa bumi ini. Tugas manusia ialah mentadbir pembangunan bumi ini dengan suatu acuan Allah (s.w.t.).

Firman Allah (s.w.t.):

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىۤ اَجْعَلُ فِى الْاَرْضِ خَلِیْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِیْهَا مَنْ یُّفْسِدُ فِیْهَا وَیَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ اِنِّىۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٣٠﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya."

Surah al-Baqarah 2: 30

Ayat di atas menerangkan tentang tugas manusia di bumi ini, iaitu sebagai khalifah. Ia juga menerangkan tentang sifat manusia yang suka menimbulkan bencana dan pertumpahan darah. Dengan adanya tugas kepimpinan ini dan sifat tersebut membuatkan manusia suka berebut-rebut dan berperangan sesama mereka.

Dalam konteks khalifah, kuasa adalah penting. Antara kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Maka, manusia diberikan satu sifat sukakan kuasa.

Firman Allah (s.w.t.):

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَتَّادِمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ
وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَى

Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: "Wahai Adam, mahukah aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?"

Surah Taha 20: 120

Ayat tersebut menjelaskan isu yang dikemukakan oleh syaitan semasa menghasut Adam (a.s.) terhadap pohon yang dilarang, iaitu kerana pohon ini boleh menjadikan Adam (a.s.) berkekalan hidup dan memiliki kekuasaan selama-lamanya. Disebabkan kuasa (power) dan ingin hidup senang selama-lamanya, Adam a.s. tidak berfikir panjang lalu tertipu dengan bisikan syaitan terhadap pokok yang dilarang ('Afif 1985, 37-38).

Dalam cerita lain dapat dilihat tentang sifat manusia yang sukakan kuasa, sehingga sanggup melakukan jenayah yang besar. Firman Allah (s.w.t.) mengenai Firaun:

وَإِذْ نَجَّيْنَاكَ مِنَ مَنِّ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكَ سُوءَ الْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ
أَبْنَاءَكَ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكَ وَفِي ذَلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكَ عَظِيمٌ

Dan (kenangkanlah) ketika Kami selamatkan kamu dari Fir'aun dan orang-orangnya, yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya; mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; sedang kejadian

yang demikian itu mengandung bala' bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu.

Surah al-Baqarah 2: 49

Ayat ini menjelaskan tindakan Firaun membunuh semua anak lelaki dan membiarkan anak-anak perempuan hidup hanya kerana ingin mempertahankan kuasanya. Mimpi beliau melihat api yang marak keluar dari Baitulmaqdis dan menyambarnya serta masuk ke dalam semua rumah orang-orang *al-Qibtdi* Mesir kecuali rumah-rumah bani Israil telah ditafsirkan sebagai kejatuhan kerajaannya di tangan seorang lelaki dari bani Israil (al-Zuhayli 1991, 1: 160).

Sejarah Firaun memaparkan bahawa Firaun diberitahu oleh ahli nujumnya, akan lahir seorang bayi lelaki yang apabila besar nanti akan menggugat takhtanya. Dengan itu, Firaun bertindak membunuh semua anak lelaki yang lahir pada masa itu untuk menyelamatkan takhtanya. Kerana takut dibunuh, seorang bayi dihanyutkan oleh ibunya selepas sahaja dilahirkan. Akhirnya, bayi yang dihanyutkan itu dijumpai oleh isteri Firaun lalu dijadikan anak angkatnya, dan itulah Nabi Musa (a.s.). Kerana keinginan mengekalkan kuasa, Firaun sanggup membunuh dan menumpahkan darah ramai kanak-kanak kecil yang tidak berdosa.

Huraian di atas, memperlihatkan betapa besarnya peranan motif dalam menggerakkan tingkah laku manusia, kerana kehidupan manusia banyak terlibat dengan motif. Justeru, golongan pembesar sebagai manusia, pastinya berfikir dan bertingkah laku berasaskan motif-motif yang sama seperti manusia yang lain. Bahkan, mereka merupakan golongan yang telah dapat memenuhi kelima-lima tahap kehendak Maslow. Justeru, mereka tidak lagi sibuk memikirkan soal-soal keperluan asas, sebaliknya mereka hanya memikirkan soal mengekalkan status pencapaian keperluan mereka yang tertinggi sebagai pembesar. Kuasa dan segala keistimewaan yang mereka miliki akan dipertahankan dengan bersungguh-sungguh. Menurut McClelland, golongan pembesar sangat berminat kepada faktor-faktor kebaikan, faedah, manfaat, keuntungan, kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang akan mereka peroleh. Sebaliknya tidak berminat kepada soal kegagalan, kerugian, keburukan dan perkara-perkara lain yang bersifat negatif (Abdullah 2007, 47).

MESEJ DAKWAH PARA RASUL (A.S.) KEPADA GOLONGAN PEMBESAR

Para Rasul (a.s.) diutuskan kepada manusia dengan misi menyampaikan mesej tauhid. Dalam konteks ini, mesej tauhid melibatkan gesaan untuk manusia mentauhidkan Allah (s.w.t.) secara mutlak tanpa sebarang unsur syirik Allah (s.w.t.). Seterusnya, para Rasul (a.s.) menceritakan kepada manusia tentang hakikat keRasulan, iaitu mereka semua adalah manusia biasa yang tidak memiliki kuasa ke atas diri mereka sendiri apatah lagi ke atas manusia lain. Demikian juga para Rasul a.s. memberi peringatan tentang hari

akhirat dan apa yang ada pada hari tersebut daripada hitungan amal dan pembalasan (Ahmad 1992, 2: 15).

Pada hakikatnya, akidah merujuk kepada keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Justeru ia menjadi persoalan pokok dalam dakwah para Rasul (a.s.) dari Nabi Adam (a.s.) hingga kepada Nabi terakhir, Rasulullah (s.a.w.). Mereka bertungkus lumus menyampaikan seruan yang mengajak manusia menuju jalan keselamatan dan kesejahteraan. Walau kepada golongan mana pun dan di mana sekali pun tempatnya, pokok pembawaan para Rasul (a.s.) adalah sama. Antara isu penting dalam aspek akidah ialah mesej ubudiyah iaitu mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t.), justeru para Rasul (a.s.) menyeru manusia mengabdikan diri hanya kepada Pencipta alam ini, iaitu Allah (s.w.t.), kerana Dia sahajalah yang layak dipuja dan diperhambakan diri (al-Rahili 2004, 1: 69-79).

Firman Allah (s.w.t.):

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا
فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

Dan kami tidak mengutus sebelumnya (wahai Muhammad) seorang Rasulpun melainkan kami wahikan kepadanya: "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadahlah kepadaKu".

Surah al-Anbiya' 21: 25

Ayat di atas menerangkan bahawa semua Rasul (a.s.) diutuskan kepada manusia dengan membawa mesej yang satu iaitu mentauhidkan Allah (s.w.t.) dan menghapuskan sebarang unsur syirik terhadap-Nya.

DAKWAH NABI MUSA A.S. KEPADA FIRAUN

Menurut al-Sabuni, nama Firaun ini ialah al-Walid ibn Mus'ab, manakala Firaun adalah gelaran yang diberi kepada setiap raja yang memerintah Mesir. Beliau menaiki takhta sebagai raja selepas kematian saudaranya Qabus dan memerintah bani Israel selama 400 tahun (al-Sabuni 1980, 167-168). Firaun sangat takbur dan sangat zalim dengan melakukan kerosakan di muka bumi dan mendakwa dirinya sebagai tuhan. Kezalimannya terhadap rakyatnya tiada bandingannya (al-Shamlani 2006, 401-404). Dia menzalimi rakyatnya serta memecah belahkan rakyatnya kepada beberapa golongan supaya mereka sentiasa dapat dikuasai (Afzal 1993, 1044). Setiap golongan hanya dikhususkan dengan satu jenis pekerjaan dan jizyah dikenakan kepada sesiapa yang tidak mampu melakukan pekerjaan tersebut (al-Qurtubi 1994, 1: 391), (al-Sabuni 1980, 168). Firaun juga memerintahkan agar semua bayi lelaki dibunuh setelah diberitakan oleh ahli nujum, tukang sihir dan cerdik pandainya bahawa akan lahir seorang bayi lelaki yang akan memusnahkan kerajaannya kelak (Ibn Kathir 1992, 306).

Nabi Musa (a.s.) berdakwah kepada Firaun agar beriman kepada Allah (s.w.t.). Mesej dakwah yang dikemukakan oleh Nabi Musa a.s. kepada Firaun berdasarkan konteks al-Qur'an ialah:

- i. Mengisbatkan kerasulannya dengan pengakuan lisan dan pembuktian dengan mukjizat. Ia mengandungi maksud dakwah kepada *al-risalah*, iaitu risalah yang datang dari Allah (s.w.t.), Tuhan semesta alam (al-'Adawi 1935, 242). Surah al-A'raf(7): 104-105, Surah al-Zukhruf (43): 46-47, Surah Taha(20): 47 dan Surah al-Shu'ara' (26): 16.
- ii. Jaminan keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat untuk orang-orang yang menurut petunjuk agama Allah (s.w.t.). (Ibn 'Ashur 1984, 230). Surah Taha (20): 47.
- iii. Ancaman azab seksa di dunia dan di akhirat yang berkekalan kepada orang yang mendustakan ayat-ayat Allah (s.w.t.) dan mensyirikkan-Nya (al-Barusawi t.t, 5: 393). Surah Taha(20): 48.
- iv. Isbat ketuhanan (*rububiyyah*) Allah (s.w.t.) ke atas semua (*mawjudat*) termasuk Firaun (Ibn 'Ashur 1984, 232). Surah al-Shu'ara'(26): 24.
- v. Isbat kudrat Allah (s.w.t.) Surah Taha(20): 50-53.

Berdasarkan konteks perbincangan ayat-ayat ini, didapati mesej dakwah kepada Fir'aun melibatkan aspek akidah iaitu mengisbatkan kerasulan dan kebenaran risalah, jaminan keselamatan dan kesejahteraan, ancaman azab Allah (s.w.t.) terhadap golongan yang menolak risalah, mengisbatkan ketuhanan dan kekuasaan Allah (s.w.t.). Mesej keselamatan dan kesejahteraan terutama terhadap kuasa jika dilihat daripada aspek sosiologi dan psikologi golongan pembesar adalah merupakan mesej yang sangat tepat dan sesuai.

DAKWAH NABI IBRAHIM (A.S.) KEPADA RAJA NAMRUDH.

Namanya al-Namrudh ibn Kus ibn Kan'an ibn Salam ibn Nuh, dinyatakan juga al-Namrudh ibn Falikh ibn 'Amir ibn Shalikh ibn Arfakhshadh ibn Sam (al-Shawkani t.t, 1: 277). Menurut al-Sabuni, al-Namrudh disebut sebagai salah seorang daripada empat orang Raja Dunia (al-Sabuni 1980, 157). Beliau memerintah selama 400 tahun dengan penuh kezaliman. Al-Namrudh karam dalam kesesatan dengan ujian nikmat pemerintahan yang dianugerahkan Allah kepadanya. Beliau terpesong dari jalan kebenaran dengan mengingkari Allah (s.w.t.), tidak bersyukur dengan nikmat-Nya serta bersifat takbur malah mengaku dirinya sebagai tuhan lalu dipuja oleh sebahagian rakyatnya (Abu Zahrah t.t, 2: 956-959).

Nabi Ibrahim (a.s.) menyeru al-Namrudh agar beriman kepada Allah (s.w.t.). Namun, sifat takbur melampau telah mendorong al-Namrudh menuntut daripada Ibrahim (a.s.) agar mengemukakan bukti kewujudan Allah (s.w.t.). Maka berlakulah perdebatan antara mereka berdua dalam soal ketuhanan sebagaimana yang dinyatakan di dalam surah al-Baqarah(2): 258 (al-Amiri 2000, 200-201).

Mesej dakwah yang dikemukakan oleh Nabi Ibrahim (a.s.) kepada al-Namrudh yang dapat disimpulkan ialah:

- i. Isbat kewujudan Allah (s.w.t.) dengan bukti adanya proses kehidupan dan kematian, di mana tiada kehidupan dan kematian tanpa wujudnya Yang menghidup dan mematikan (al-Amiri 2000, 201). Surah al-Baqarah(2): 258.
- ii. Isbat kekuasaan Allah (s.w.t.) yang menjadikan kehidupan dan kematian pada setiap jasad (al-Shawkani t.t, 277). Surah al-Baqarah(2): 258.
- iii. Menjelaskan bahawa makhluk adalah lemah walau setinggi manapun kedudukannya. Justeru, makhluk tidak layak disembah, sebaliknya yang wajib disembah ialah Tuhan yang menghidup dan mematikan (Surur 1984, 112-113). Surah al-Baqarah(2): 258.

Berdasarkan konteks perbincangan ayat-ayat di atas, didapati mesej dakwah kepada al-Namrudh melibatkan kedua-dua bentuk iaitu umum dan khusus. Mesej umum ialah aspek akidah iaitu mengisbatkan kewujudan dan kekuasaan Allah (s.w.t.) dengan bukti adanya kehidupan dan kematian. Manakala mesej khusus ialah menjelaskan tentang kelemahan makhluk dan tidak layaknyanya makhluk disembah walau setinggi manapun kekuasaannya. Justeru Namrudh mempunyai keegoan yang sangat tinggi hingga mengaku boleh menghidupkan orang mati maka mesej-mesej tersebut amat tepat.

DAKWAH NABI SULAIMAN A.S. KEPADA BALQIS

Balqis bint Sharahil adalah raja kerajaan Saba' (al-Qurtubi 1994, 13: 191). Kerajaannya memiliki kekuatan tentera yang hebat serta dilimpahi dengan pelbagai nikmat dan beliau memiliki singgahsana hebat yang dihiasi dengan permata dan berlian. Namun demikian, Balqis dan kaumnya kufur dengan nikmat Allah (s.w.t.) dan mensyirikkan-Nya dengan menyembah matahari ('Afif 1985, 15: 290).

Nabi Sulaiman (a.s.) telah berdakwah kepada Raja Balqis agar beriman kepada Allah (s.w.t.) dengan mengutuskan kepadanya supucuk surat melalui seekor burung *al-Hud-hud* sebagaimana yang diceritakan di dalam surah al-Naml(27): 28-31. al-Zuhayli telah menafsirkan ayat-ayat tersebut dengan mengeluarkan satu bentuk surat seperti berikut: (al-Zuhayli 1991, 19: 282).

من عبد الله سليمان بن داود إلى بلقيس ملكة سبأ : بسم الله الرحمن الرحيم ، السلام
على من اتبع الهدى ، أما بعد ، فلا تعلقو علي وأتوني مسلمين

*Daripada hamba Allah Sulaiman bin Daud kepada Balqis Raja Saba':
Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang,
salam sejahtera ke atas orang yang mengikut hidayah, adapun
selepas itu, janganlah kamu berlagak sombong terhadapku
sebaliknya jadilah kamu dari kalangan orang-orang Islam.*

Mesej dakwah Nabi Sulaiman a.s. kepada Balqis ialah;

- i. Isbat kewujudan Allah (s.w.t.) dengan sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* (al-Zuhayli 1991, 19: 292). Surah al-Naml(27): 30.
- ii. Jaminan selamat sejahtera untuk orang-orang yang menurut petunjuk agama Allah (s.w.t.).
- iii. Tegahan daripada bersifat takbur melampau yang boleh menghalang diri dari menerima kebenaran dan larangan menuruti hawa nafsu (al-Zuhayli 1991, 19: 292). Surah al-Naml(27): 31.
- iv. Arahan agar menerima Islam dengan tunduk dan patuh kepada perintah Allah (s.w.t.) (al-'Adawi 1935, 306). Surah al-Naml(27): 31.
- v. Menjelaskan bahawa anugerah Allah (s.w.t.) yang berbentuk rahmat adalah jauh lebih baik dari harta walau bertimbun (al-'Adawi 1935, 309). Surah al-Naml(27): 36.
- vi. Ancaman diperangi jika menentang dakwah (al-Zuhayli 1991, 19: 295). Surah al-Naml(27): 37.

Berdasarkan konteks perbincangan ayat-ayat ini, didapati mesej dakwah kepada Balqis melibatkan aspek akidah iaitu mengisbatkan ketuhanan dan kekuasaan Allah (s.w.t.), mengisbatkan kerasulan dan kebenaran risalah, jaminan keselamatan dan kesejahteraan, ancaman azab Allah (s.w.t.) terhadap golongan yang menolak risalah, larangan bersifat takbur dan ancaman diperangi jika menolak Islam. Mesej keselamatan dan kesejahteraan jika dilihat daripada aspek sosiologi dan psikologi golongan pembesar adalah sangat tepat dan sesuai.

DAKWAH NABI YUSUF (A.S.) KEPADA RAJA AL-RAYYAN

Raja al-Rayyan ibn al-Walid telah menerima dakwah Nabi Yusuf (a.s.) dan beriman dengan agamanya (Ibn Kathir 1992, 251). Walau bagaimanapun, Raja Qabus yang menggantikan Raja al-Rayyan selepas kematiannya tidak menerima dakwah Nabi Yusuf (a.s.) dan tetap kufur (Ibn al-Athir 1983, 1: 83; al-Qurtubi 1994, 9: 163-164). Pengkaji tidak menemui sebarang catatan atau ulasan tentang proses dakwah Nabi Yusuf (a.s.) kepada Raja al-Rayyan ibn al-Walid di dalam buku-buku sejarah dan tafsir. Khususnya, tentang apakah mesej dakwah yang dikemukakan oleh Nabi Yusuf (a.s.) kepada Raja al-Rayyan ibn al-Walid. Namun, pastinya Nabi Yusuf (a.s.) telah mengemukakan kepada Raja al-Rayyan ibn al-Walid pertama-tamanya persoalan tauhid sebagai mesej dakwahnya. Ini kerana semua para Rasul (a.s.) diutuskan adalah membawa mesej mentauhidkan Allah (s.w.t.) secara mutlak sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Pengkaji berpendapat bahawa keunggulan personaliti dan kebijaksanaan pentadbiran Nabi Yusuf (a.s.) adalah merupakan antara faktor utama yang mendorong Raja al-Rayyan ibn al-Walid menerima dakwah Nabi Yusuf (a.s.). Ini berasaskan; Pertama, menurut Mahmud Shalabi, masyarakat Mesir ketika itu baik golongan pembesar mahupun golongan awam berada dalam kerosakan dan kepincangan dari segenap sudut sama ada sudut akidah, akhlak, keadilan sosial dan lain-lain. Justeru, Raja al-Rayyan ibn al-Walid sangat bersungguh-sungguh melantik Nabi Yusuf (a.s.) sebagai Menteri Perbendaharaannya apabila keunggulan personaliti Nabi Yusuf (a.s.) diketahuinya (Shalabi t.t, 223-226). Begitu juga menurut al-Sha'rawi, apabila kedua-

duanya bertemu, Raja al-Rayyan ibn al-Walid telah menguji Nabi Yusuf (a.s.) dengan beberapa perkara. Setelah keunggulan peribadinya terserlah, Raja al-Rayyan ibn al-Walid pun melantik Nabi Yusuf (a.s.) sebagai Menteri Perbendaharaannya (al-Sha'rawi (b) t.t, 2: 1074-1075). Kedua, menurut Afzal al-Rahman, Nabi Yusuf (a.s.) dengan penuh bijaksana cuba memasukkan unsur keadilan dan persamaan ke dalam pentadbiran serta pembaharuan sosial supaya sistem pemerintahan itu dibina atas dasar kebaikan, ketakwaan dan kesaksamaan. Walaupun pada hakikatnya tidak lama selepas Nabi Yusuf (a.s.) meninggal, semua itu dilupakan dan digantikan dengan undang-undang lama yang bersifat menekan dan tidak adil (Afzal 1993, 1044).

DAKWAH NABI MUHAMMAD (S.A.W.) KEPADA GOLONGAN PEMBESAR

Berdasarkan sirah Rasulullah (s.a.w.), dakwah baginda meliputi semua golongan manusia. Bagi kategori pembesar, dakwah baginda meliputi raja atau pemerintah di luar kota Mekah, golongan pembesar Quraisy dan pembesar-pembesar Arab daripada kalangan ketua-ketua kabilah pada musim haji.

DAKWAH KEPADA AL-NAJASHI, RAJA AL-HABSHAH

Namanya ialah al-Ashamah ibn Abjar, manakala al-Najashi adalah gelaran kepada raja yang memerintah al-Habshah pada zaman dahulu. (Ibn Kathir 1987, 530), (al-Suhayli 1989, 1: 54). Agama rasmi bagi negara al-Habshah ketika itu ialah Kristian (al-Nadawi 1995, 243-244). Namun, Kristian di al-Habshah ketika itu, seperti juga Kristian di Najran, al-Hirah dan al-Syam, telah diresapi dengan anasir khilaf antara mazhab yang berpegang dengan konsep ketuhanan al-Masih dan ibunya Maryam, dengan kumpulan yang bermazhab dengan ajaran asal agama Kristian (Haykal 1968, 157). Al-Najashi merupakan salah seorang pengikut mazhab ajaran asal agama Kristian yang dikenali sebagai mazhab *al-Nasatirah*, iaitu mazhab yang berasaskan tauhid dan menolak ketuhanan al-Masih. Moto mazhab mereka ialah jangan kamu katakan bahawa Maryam itu ibu Allah (s.w.t.), kerana Maryam adalah manusia maka adalah mustahil Tuhan dilahirkan oleh seorang manusia (al-Nadwah al-'Alamiyyah li al-Shabab al-Islami 1989, 502-503).

Al-Najashi adalah seorang raja yang adil. Hakikat ini berasaskan kenyataan Nabi (s.a.w.) kepada para sahabat baginda ketika meminta mereka berhijrah ke negara al-Habshah.

Sabda Nabi (s.a.w.) dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad ibn Ishaq (Ibn Kathir 1993, 3: 115).

لو خرجتم إلى أرض الحبشة؟ فإن به ملكا لا يُظلم عندها أحد، وهي أرض صدق،
حتى يجعل الله لكم فرجا مما أنتم فيه

Berangkatlah kamu ke bumi al-Habshah, kerana di sana ada seorang raja yang adil, tiada sesiapa yang teraniaya di sisinya. Ia merupakan bumi kebenaran, sehinggalah Allah (s.w.t.) mengeluarkan kamu dari segala kesusahan yang kamu alami.

Hadis ini menjelaskan tentang pengakuan Nabi (s.a.w.) tentang sifat adil penguasa al-Habshah iaitu al-Najashi.

Dalam pertemuan antara Ja'far ibn Abi Talib dengan raja al-Habshah, al-Najashi, ketika Ja'far dan rombongannya berhijrah ke al-Habshah dari Mekah, apabila diminta oleh al-Najashi supaya Ja'far menceritakan tentang dakwah Islam, beliau telah menceritakan hal ehwal mereka semasa jahiliyah, perihal kedatangan dakwah Nabi (s.a.w.) kepada mereka serta perkara-perkara yang terkandung di dalam dakwah tersebut dan akibat yang mereka terima daripada kaum mereka kerana menerima dakwah tersebut, dengan katanya: (Ibn Hisham 2004, 1: 235-236).

أيها الملك: كنا قوما أهل جاهلية، نعبد الأصنام ونأكل الميتة، ونأتي الفواحش، ونقطع الأرحام، ونسئ الجوار، ويأكل منا القوى الضعيف، فكنا على ذلك، حتى بعث الله إلينا رسولا منا نعرف نسبه وصدقه وأمانته وعفافه، فدعانا إلى الله لنوحده ونعبده، ونخلع ما كنا نعبد نحن و آبائنا من دونه من الحجارة والأوثان، وأمرنا بصدق الحديث وأداء الأمانة، وصلة الرحم، وحسن الجوار، والكف عن المحارم والدماء، ونهانا عن الفواحش، وقول الزور، وأكل مال اليتيم، وقذف المحصنات، وأمرنا أن نعبد الله وحده، لا نشرك به شيئا، وأمرنا بالصلاة والزكاة والصيام. فصدقناه وآمنا به، واتبعناه على ما جاء به من الله، فعبدنا الله وحده، فلم نشرك به شيئا، وحرمنا ما حرم علينا، وأحللنا ما أحل لنا، فعدا علينا قومنا، فعذبونا، وفتنونا عن ديننا، ليردونا إلى عبادة الأوثان من عبادة الله تعالى، وأن نستحل من الحبائث، فلما قهرونا وظلمونا وضيقوا علينا، وحالوا بيننا وبين ديننا، خرجنا إلى بلادك، واخترناك على من سواك، ورجبنا في جوارك ورجونا أن لا نظلم عندك أيها الملك.

Jawapan Ja'far tersebut secara tidak langsung dianggap sebagai dakwah Nabi (s.a.w.) kepada Raja al-Habshah al-Najashi, kerana Ja'far ketika itu adalah sebagai jurucakap kepada baginda. Antara mesej dakwahnya ialah:

- i. Seruan agar mentauhidkan Allah (s.w.t.) dalam ibadah dan membuang segala pemujaan terhadap patung berhala yang diwarisi dari nenek moyang mereka.
- ii. Seruan agar mereka berakhlak mulia sesama anggota masyarakat seperti bercakap benar, menunaikan amanah, memelihara hubungan persaudaraan, memuliakan tetamu, meninggalkan perbuatan yang terlarang serta pertumpahan darah.
- iii. Larangan melakukan perkara keji, bercakap dusta, makan harta anak yatim dan fitnah wanita yang suci.
- iv. Seruan agar melakukan amalan ibadah tertentu seperti solat, zakat dan puasa.

- v. Seruan mengisbatkan risalah Nabi (s.a.w.).

Kemudian apabila diminta oleh al-Najashi supaya Ja'far mengemukakan apa-apa keterangan dari Allah (s.w.t.) melalui Nabi yang baru diutuskan itu, Ja'far membaca surah *Maryam*. (Awal surah *Maryam* menceritakan tentang Nabi Isa (a.s.)). Setelah mendengar bacaan tersebut al-Najashi dan para ketua agamanya menangis, kemudian al-Najashi berkata yang maksudnya: Demi Allah yang mengutuskan Nabi Isa (a.s.), sesungguhnya ini (agama yang dibawa melalui Muhammad (s.a.w.) datang dari tempat yang sama dengan agama yang dibawa oleh Nabi Isa (a.s.)) (Ibn al-Athir 1983, 2: 54-55).

DAKWAH KEPADA PEMBESAR QURAISSY

Pada masa jahiliah, kaum Quraisy sangat dihormati dan disanjung kerana mereka mendapat hak kepimpinan di kalangan bangsa Arab (al-Hashimi t.t, 164). Bagi membuktikan ketinggian status kaum Quraisy dan kepenguasaan mereka ke atas bangsa Arab, sebahagian pengkaji telah menghitung sepuluh jenis khidmat kebajikan dan politik yang menjadi hak kaum Quraisy (*al-ma'athir*) iaitu; *al-hijabah*, *al-siqayah*, *al-diyah*, *al-safarah*, *al-liwa'*, *al-rifadah*, *al-nadwah*, *al-khaymah*, *al-khazinah*, dan *al-azlam* (Barghuth 1996, 185). Pembesar Quraisy sangat menjaga hak yang menjadi kebanggaan mereka ini, malah mereka sentiasa bersaing antara satu sama lain.

1. Dakwah Nabi (s.a.w.) kepada 'Utbah ibn Rabi'ah, wakil pembesar Quraisy.

Pembesar Quraisy telah menghantar 'Utbah ibn Rabi'ah sebagai wakil mereka kepada Nabi (s.a.w.) untuk menawarkan kepada baginda beberapa perkara yang sangat disukai oleh naluri manusia seperti harta dan pangkat. Tawaran mereka ini mungkin satu perangkap untuk membuktikan kebenaran dakwaan mereka bahawa Nabi (s.a.w.) berdakwah hanya kerana mahukan kuasa dan pangkat untuk kepentingan peribadi. Tetapi tawaran tersebut mestilah ada galang gantinya iaitu baginda mesti menghentikan seruannya kepada Islam. Setelah mendengar tawaran tersebut Nabi (s.a.w.) lantas membaca awal surah Fussilat;

Firman Allah (s.w.t.):

حَمْدٌ ﴿١﴾ تَنْزِيلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٢﴾ كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ
 قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ
 فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾

Haa, Miim. Turunnya Kitab ini dari Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya. Ia membawa berita yang mengembirakan (bagi orang-orang yang beriman) dan membawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dalam pada itu kebanyakan mereka berpaling

ingkar (tidak mahu mengetahui dan memahaminya), maka dengan sebab itu mereka tidak menerima dan tidak mematuhi.

Surah Fussilat 41: 1-4

Nabi (s.a.w.) meneruskan bacaannya sambil didengari oleh 'Utbah ibn Rabi'ah dengan penuh khusuk sehinggalah sampai kepada firman Allah (s.w.t.):

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنْذَرْتُكُمْ صَاعِقَةً مِثْلَ صَاعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

Oleh itu, kalau mereka (yang musyrik) berpaling (daripada mengesakan Allah dan mengikut jalan yang lurus), maka katakanlah (wahai Muhammad): "Aku memberi amaran kepada kamu dengan (azab yang dahsyat, iaitu) petir, seperti petir yang telah menyambar kaum 'Aad dan kaum Thamud!"

Surah Fussilat 41: 13

Lantas 'Utbah ibn Rabi'ah bangun dengan perasaan gementar sambil menutup mulut Nabi (s.a.w) dan berkata: *أنشدك الله والرحم* lantaran gerun ditimpa ancaman yang dinyatakan di dalam ayat tersebut. Kemudian 'Utbah ibn Rabi'ah menuju kepada kaumnya dan menceritakan kepada mereka tentang keindahan bacaan yang didengarinya daripada Nabi (s.a.w.) sambil menyatakan pandangannya tentang kerasionalan mereka menerima dakwah Nabi (s.a.w.). Namun kaumnya menampakkannya dengan dakwaan bahawa dia telah terkena sihir Nabi (s.a.w.) (al-Hashimi t.t, 125-126).

Mesej dakwah Nabi (s.a.w.) kepada 'Utbah ibn Rabi'ah, wakil pembesar Quraisy ialah ancaman, iaitu baginda mengancam mereka yang menolak dakwah dengan azab seksa yang dahsyat seperti yang menimpa kaum 'Ad dan Thamud.

2. Dakwah kepada golongan pembesar Quraisy ketika mereka datang berunding saat kegeringan Abu Talib.

Saat kegeringan Abu Talib, golongan pembesar Quraisy mengambil kesempatan mendesaknya agar melarang Nabi (s.a.w.) dari meneruskan dakwahnya. Sebaik Nabi (s.a.w.) tiba, Abu Talib memberitahu kepada baginda dengan panjang lebar tentang aduan dan sungutan yang diajukan kepadanya oleh golongan pembesar Quraisy. Setelah selesai, Nabi (s.a.w.) pun berkata:

يا عم إني أريدكم على كلمة واحدة يقولونها تدين بها العرب، وتؤدي إليهم بها العجم
الجزية

Setelah ditanya oleh Abu Jahl apakah kalimat tersebut, Nabi (s.a.w) menjawab;

لا إله إلا الله

Walaupun dijanjikan dengan kekuasaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat, namun golongan pembesar Quraisy tetap berpegang dengan warisan nenek moyang

mereka yang hanya menjadikan mereka penguasa Mekah dan tidak menjamin kebahagiaan hidup di akhirat. (al-Humaydi 1997, 2: 5-9).

Mesej dakwah Nabi (s.a.w.) kepada pembesar Quraisy yang mendesak Abu Talib agar menyuruh baginda memberhentikan dakwah ialah:

- i. Menyeru mereka agar beriman kepada Allah (s.w.t.) dengan mengucapkan dua kalimah syahadah.
- ii. Menjanjikan kepada mereka penguasaan ke atas bangsa Arab dan bangsa asing jika mereka beriman kepada Allah (s.w.t.).

DAKWAH KEPADA PEMBESAR ARAB (KETUA-KETUA KABILAH) PADA MUSIM HAJI

Semenjak diperintahkan oleh Allah (s.w.t.) agar berdakwah secara terang-terangan, Nabi (s.a.w.) telah menyeru manusia selama sepuluh tahun di peringkat Mekah. Dalam tempoh tersebut baginda tidak pernah melepaskan peluang berdakwah kepada pembesar (wakil-wakil kaum) yang datang menunaikan ibadat haji. Nabi (s.a.w.) berdakwah kepada mereka di setiap tempat mereka berhimpun seperti di pasar 'Ukaz, Mijannah dan Dhu al-Majaz. Nabi (s.a.w.) juga mengikuti mereka ke tempat-tempat penginapan mereka satu kabilah demi satu kabilah dengan seruan: (Sayyid 1994, 78-79).

يا أيها الناس قولوا لا إله إلا الله تفلحوا وتملكوا بها العرب وتذل لكم العجم، وإذا
آمنتكم كنتم ملوكا في الجنة

Malah Nabi (s.a.w.) juga mengikuti mereka ke tempat-tempat perhimpunan mereka yang berkaitan dengan ibadat haji seperti Mina, 'Aqabah dan Arafah. Nabi (s.a.w.) berkata: (Sayyid 1994, 79).

يا بني فلان، إني رسول الله إليكم، يأمركم أن تعبدوا الله ولا تشركوا به شيئا، وأن
تخلعوا ما تعبدون من دونه من هذه الأنداد، وأن تؤمنوا بي، وتصدقوا بي، وتمنعوني،
حتى أبين عن الله ما بعثني به

Nabi (s.a.w.) melipat gandakan usahanya berdakwah kepada kabilah-kabilah Arab pada musim haji setelah usaha dakwahnya kepada pembesar Yathrib ditolak dengan menemui golongan pembesar setiap kaum sambil berkata (Sayyid 1994, 82-83) :

لا أكره أحدا منكم على شيء، من رضى منكم بالذى أدعوه إليه فذاك، ومن كره
لم أكره، إنما أريد أن يجيروني مما يراد بي من قتل، حتى أبلغ رسالات ربي، وحتى
يقضى الله لي ولمن صحبني بما شأ

Antara mesej dakwah Nabi (s.a.w.) kepada pembesar (wakil-wakil kaum) pada musim haji ialah;

- i. Seruan agar mentauhidkan Allah (s.w.t.) dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu.
- ii. Seruan mengisbatkan risalah Nabi (s.a.w.) dan percaya kepadanya.
- iii. Memberi ancaman azab bagi orang yang kufur.
- iv. Janji keselamatan dan kekuasaan di dunia serta kebahagiaan di akhirat.
- v. Memberi perlindungan kepada Nabi (s.a.w.) daripada ancaman bunuh oleh kaum Quraisy (akuan pengaruh).
- vi. Memberi peluang kepada Nabi (s.a.w.) menyampaikan dakwah (akuan pengaruh).
- vii. Kebebasan beragama.

Berdasarkan penelitian terhadap mesej-mesej dawah para Rasul (a.s) kepada golongan pembesar sebagaimana yang dinyatakan di atas didapati bahawa secara umumnya para Rasul (a.s) telah mengemukakan dua bentuk mesej iaitu umum dan khusus. Mesej umum merupakan mesej yang digunapakai untuk semua golongan sasaran dakwah tanpa terikat dengan kesesuaian yang boleh dinilai antaranya dengan melihat status sosial dan psikologi golongan sasaran. Mesej tersebut juga merupakan mesej utama dan asasi dalam setiap aktiviti dakwah tanpa ada kompromi. Ia melibatkan aspek akidah iaitu mentauhidkan Allah (s.w.t.) dan mengisbatkan keRasulan serta kebenaran risalah. Manakala mesej khusus pula adalah tertentu kepada golongan sasaran mengikut kesesuaian masing-masing terutama daripada aspek sosiologi dan psikologi. Dalam konteks dakwah kepada pembesar, mesej akuan pengaruh dan jaminan keselamatan merupakan mesej yang khusus kepada mereka kerana pengaruh sangat sesuai kepada golongan pembesar kerana mereka merupakan penghuni teratas hierarki sosial sesebuah institusi. Justeru mereka menikmati banyak keistimewaan dan mempunyai pengaruh yang besar dalam institusi berikut. Begitu juga mesej jaminan keselamatan sangat sesuai kepada mereka kerana dari sudut psikologi, orang yang berkuasa sangat memikirkan tentang kelangsungan kekuasaannya. Penggunaan mesej tersebut dapat mengurangkan ketidakpuasan hati mereka terhadap seruan dakwah. Sekaligus boleh memberi ruang kepada mereka untuk mendengar terlebih dahulu seruan dan penjelasan dakwah.

KESIMPULAN

Semua golongan sasaran mempunyai kesamaan hak disampaikan dakwah. Tiada satu golongan patut dilebihkan berbanding golongan yang lain. Namun demikian, dari aspek strategi agar dakwah dapat tersebar luas dengan cepat dan tanpa banyak menghadapi halangan maka dakwah kepada golongan pembesar perlu diberi perhatian yang tersendiri. Memandangkan mereka adalah golongan yang paling sukar menerima dakwah maka aspek kesesuaian mesej perlu dititikberatkan. Kefahaman terhadap situasi dan latarbelakang golongan pembesar dari pelbagai aspek terutamanya dari aspek sosiologi dan psikologi dapat membantu pendakwah mengenalpasti mesej-mesej yang sesuai kepada mereka. Penelitian terhadap dakwah, terutama mesej-

mesej yang diketengahkan oleh para Rasul (a.s) kepada golongan pembesar menjelaskan bahawa para Rasul (a.s) sangat prihatin dalam persoalan tersebut. Antara mesej-mesej yang jelas menggambarkan keadaan ini ialah mesej jaminan keselamatan di dunia dan akhirat terutama aspek kuasa dan mesej akuan pengaruh golongan pembesar.

RUJUKAN

- 'Abd al-Karim Zaydan (1991), *Usul al-Da'wah*, c. 4. Al-Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah (1985), *Ma'a al-Anbiya' fi al-Qur'an al-Karim Qasas wa Durus wa 'Ibar min Hayatihim*, c. 15. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- 'Ali 'Abd al-Hamid Baltaji (1993), *Sharh Sahih Muslim*, "Kitab al-Zakah", no. hadis 1048. j.7. Bayrut: Dar al-Khayr.
- 'Ali 'Abd. Halim Mahmud (1993), *Fiqh al-Da'wah ila Allah*, j. 2, c. 4. Al-Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- A. Gazali (1980), *Ilmu Jiwa*, c. 12. Jakarta: Penerbit Ganaco NV.
- Ab. Aziz Mohd Zin (1999) (a), *Pengantar Dakwah Islamiah*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin (1999) (b), *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abdul Qayyum (1983), *Surat-Surat al-Ghazali*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Abdullah Hassan (2007), *Teori Dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkah Laku Berdakwah Dengan Efektif*. Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Afzal al-Rahman (1993), *Muhammad (S.A.W) Ensiklopedia Sirah*, Badrul Hisham Hassan *et al* (terj.), j. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Abu Haqah (2007), *Mu'jam al-Nafais al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Nafais.
- Ahmad Faiz (1992), *Tariq al-Da'wah fi Zilal al-Qur'an*, j. 2, c. 13. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Fu'ad Sayyid (1994), *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyyah fi'Ahd al-Nabi wa al-Khulafa' al-Rashidin*. Al-Qahirah: Maktabah al-Khanji.
- Ainon Mohd (2005), *Psikologi Kejayaan*, c. 5. Pahang: PTS Publication and Distributor Sdn. Bhd..
- Al-'Adawi Muhammad Ahmad (1935), *Da'wah al-Rasul ila Allah*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-'Asqalani Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar (1989), *Fath al-Bari Sharh al-Sahih al-Bukhari*, "Kitab al-Riqaq", no. hadis 6436. j. 11. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Amiri Ahmad al-Barak (2000), *Fiqh Da'wah al-Anbiya' fi al-Qur'an al-Karim*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Asfahani al-Raghib (t.t), *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Muhammad Sayyid Kilani (tahqiq). Tehran: al-Maktabah al-Murtadawayh.
- Al-Baghdadi al-Alusi (t.t), *Tafsir Ruh al-Ma'ani*, j.2. Bayrut: Darlhya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Barusawi Isma'il Haqqi (t.t), *Tafsir Ruh al-Bayan*, j. 5. T.T.P: Dar al-Fikr.
- Al-Bustani Butrus (1869), *Qutr al-Muhit*. Bayrut: Maktabah Lubnan.
- Al-Buti Muhammad Sa'ïd Ramadan (t.t), *Fiqh al-Sirah*, c. 7. T.T.P: T.P.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (2006), *Nasihah al-Muluk: Nasihat kepada Raja Raja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Hashimi al-Baghdadi Abu Ja'far Muhammad ibn Habib ibn 'Umayyah ibn 'Amr (t.t), *al-Muhabbir*. Bayrut: Al-Maktab al-Tijari li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Humaydi 'Abd al-'Aziz ibn 'Abd Allah (1997), *al-Tarikh al-Islami Mawaqif wa 'Ibar*, j. 2. Al-Iskandariyah: Dar al-Da'wah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hassan Ali (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al Diniyyah*. Mansourah: Dar al-Wafa'.
- Al-Maydani 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah (1996), *Fiqh al-Da'wah ila Allah wa Fiqh al-Nush wa al-Irshad wa al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy an al-Munkar*, j. 1. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Nadawi Abu al-Hasan 'Ali al-Hasani (1995), *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Jaddah: Dar Al-Shuruq.
- Al-Nadwah al-'Alamiyyah li al-Shabab al-Islami (1989), *al-Mawsu'ah al-Muyassarah fi al-Adyan wa al-Madhahib al-Mu'asirah*, c. 2. Al-Riyad: Matba'ah Safir.
- Al-Qurtubi Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari (1994), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, j.1. Al-Qahirah: Dar al-Hadith Muhammad.
- Al-Rahili Hamud ibn Ahmad (2004), *Manhaj al-Qur'an al-Karim fi Da'wah al Mushrikin ila al-Islam*, j. 1. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: al-Jami'ah al-Islamiyyah bi al-Madinah.
- Al-Sabuni Muhammad 'Ali (1980), *al-Nubuwwah wa al-Anbiya'*, c. 2. T.T.P.: T.P, h. 167-168.

- Al-Sha'rawi Muhammad Mutawalli (b) (t.t), *Qasas al-Anbiya'*, j. 2. Al-Qahirah: Maktabah al-Turath al-Islami.
- Al-Sha'rawi Muhammad Mutawalli (t.t), *Tafsir al-Sha'rawi*, j. 2. Al-Qahirah: Akhbar Al-Yawm Quta' al-Thaqafah.
- Al-Shamlani 'Abd al-Hadi ibn Sa'd ibn Hadi (2006), *op. cit.*
- Al-Shawkani Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad (t.t), *Fath al-Qadir al-Jami' bayn Fannay al-Riwayah wa al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*, j. 1. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Suhayli Abu al-Qasim 'Abd al-Rahman ibn 'Abd Allah ibn Ahmad ibn Abi al-Hasan (1989), *al-Rawd al-Unf*, j. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Tayyib Barghuth (1996), *Manhaj al-Nabi (S.A.W) fi Himayah al-Da'wah wa al Muhafazah ala Munjazatiha Khilal al-Fatrah al-Makkiyyah*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Zamakhshari Abu al-Qasim Mahmud ibn 'Umar ibn Muhammad (1992), *Asas al Balaghah*. Bayrut: Dar Sadir.
- Al-Zuhayli Wahbah (1991), *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al Manhaj*, j.1. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ashraf Taha Abu al-Dahab (2002), *Mu'jam al-Islami al-Jawanib al-Diniyyah wa al Siyasiyyah wa al-Ijtima'iyah wa al-Iqtisadiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Dennis Coon and John O. Mitter (2010), *Introduction To Psychology Gateways To Mind And Behavior*, c. 12. United States of America: Wadsworth.
- Fathi Yakan (1977), *Kayfa Nad'u ila al-Islam*, Bayrut: T.P.
- Fattah, Nur Amin (1994), *Metode Dakwah Wali Songo*. Jakarta: T.P.
- Gouldner, A.W. (1965), *Studies I Leadership*. New York: T.P.
- Gregory J. Feist and Erika L. Rosenberg (2010), *Psychology Making Connection*. New York: McGraw Hill Companies, Inc.
- Husin @ Ibrahim Mamat (2007), *Pemimpin Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn 'Ashur al-Shaykh Muhammad al-Tahir (1984), *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, j. 16. Tunis: Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr.
- Ibn al-Athir Muhammad ibn Muhammad ibn 'Abd al-Karim ibn 'Abd al-Wahid al

- Shaybani (1983), *al-Kamil fi al-Tarikh*, j. 1, c. 4. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn Hisham Abu Muhammad 'Abd al-Malik (2004), *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jamal Thabit *et al.* (tahqiq), j. 1. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Kathir al-Dimashqi Abu al-Fida' Isma'il (1992), *Qasas al-Anbiya'*. Sa'id al Lahham (tahqiq). Bayrut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Ibn Kathir al-Dimashqi Abu al-Fida' Isma'il (1993), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, j. 3. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Khaldun al-Maghribi 'Abd al-Rahman (1982), *al-Muqaddimah*. Bayrut: Dar al Kitab al-Lubnani.
- Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram (1994), *Lisan al-'Arab*, j. 1, c. 3. Bayrut: Dar Sadir.
- Kalat, James W. (1993), *Introduction to Psychology*. California: T.P.
- Kartini Kartono (1983), *Pemimpin dan Kepimpinan*. Jakarta: CV. Rajawali.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Shayt Khattab (1983), *Bayn al-'Aqidah wa al-Qiyadah*, c. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1970), *Mu'jam Alfaz al-Qur'an al-Karim*, j. 2, c. 2. T.T.P. : Al-Hayah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Ta'lif wa al-Nashr.
- Marvin E. Shaw (1988), *Dinamik Kelompok Psikologi Tingkah Laku Kelompok Kecil*. Wan Azmi Ramli (terj.), j. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow Abraham Harold (1970), *Motivation and Personality*, c. 2. New York: Harper And Row.
- Muhammad 'Uthman Najati (1993), *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*, c. 2. Al Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Zahrah al-Tafasir*, j. 2. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Muhammad Husayn Haykal (1968), *Hayah Muhammad*, c. 13. Al-Qahirah: Matba'ah Al-Sunnah al-Muhammadiyah.
- Muhammad Surur ibn Nayf Zayn al-'Abidin (1984), *Manhaj al-Anbiya' fi al-Da'wah Ila Allah*, c. 2. Al-Kuwayt: Dar al-Arqam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Neil J. Smelser (1981), *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Nik Roskiman Abdul Samad (2003), *al-Ghazali on Administrative Ethics*. Kuala

Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) & IIUM.

Noresah Baharom (ed.) *et. al.* (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richard R. Bootzinet. *et al.* (1986), *Psychology Today*, c. 6. New York: Mc Graw-Hill Publishing Company.

Ronald Comer and Elizabeth Gould (2011), *Psychology Around Us*. United States of America: John Wiley and Sons, inc.

S. Husin Ali (1982), *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sa'd Riyad (2008), *Mawsu'ah 'Ilm al-Nafs wa al-'Ilaj al-Nafsi min Mansur Islami*. Al Qahirah: Dar Ibn al-Jawzi.

Saksono, Widji (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa*. Bandung: T.P.

Shaharir Mohamad Zain (2008), *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan Dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Shamsul Amri Baharuddin (1983), *Masyarakat Malaysia dan Alam Sosialnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siddiq Fadzil (1993), *Tradisi Kesultanan: Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).

Soerjono Soekanto (t.t), *Sosiologi Suatu Pengantar*, c.7. Indonesia: Penerbit Universitas Indonesia (Ui-Press).

Wayne Weiten (2007), *Psychology Themes and Variations*, c. 7. Amerika Syarikat: Thomson Wadsworth.

ZAWAWI YUSOFF
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: zawawi@unisza.edu.my